

**Ketua Pengarang,
Berita Harian**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS CADANGAN AWAM AGAR MENKKAJI SEMULA KEBERKESANAN
PROGRAM PEMULIHAN DADAH MELALUI AKHBAR BERITA HARIAN 6 OGOS 2014
DALAM RUANGAN SMS M/S 50.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh **ZAFRANIMAN** melalui akhbar Berita Harian bertarikh 6 Ogos 2014.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keperihatinan ZAFRANIMAN dalam permasalahan dadah dalam Negara. Untuk makluman pihak tuan, masalah penagihan dadah merupakan penyakit kronik berulang (chronic relapsing disease) yang mana penagih dianggap sebagai pesakit dan diberi rawatan dan pemulihan mengikut keperluan kepulihan mereka. Bekas penagih dadah perlu sentiasa engaged dengan rakan-rakan kepulihan dan keluarga bagi sokongan dan bantuan untuk kekal dalam kepulihan. Adalah dimaklumkan juga, bagi memastikan seseorang yang menghadapi masalah penagihan dadah itu mendapat rawatan dan pemulihan yang sepatutnya, rawatan dan pemulihan di AADK adalah selama dua (2) tahun di dalam institusi pemulihan diikuti dengan dua (2) tahun pemulihan di dalam komuniti supaya beliau dapat meneruskan kepulihan dengan melibatkan diri di dalam program-program bersama komuniti setempat dan mengembalikan fungsi sosial mereka di dalam masyarakat. Dari semasa ke semasa, AADK sentiasa menjalankan kajian serta penyelidikan bagi mencari pendekatan rawatan dan pemulihan yang terkini serta amalan terbaik dalam mengatasi masalah penagihan terutama kepada penagih-penagih tegar. AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca BH, sila salurkan aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK<jarak>Menu dan hantarkan kepada 15888.

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,

**(SUHAIMI BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah,
Agensi Antidadah Kebangsaan,**

Kementerian Dalam Negeri